

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN SIMPOSIUM KEBANGSAAN PERKHIDMATAN NEONATAL 1988
Lokasi : FAKULTI PERUBATAN, UKM, JALAN RAJA MUDA, KL
Tarikh : 24-06-1988

Yang Berhormat Dato Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan; Yang Berbahagia Prof. Mahmud Mohd. Nor, Dekan Fakulti Perubatan UKM; Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Sham Kassim, Presiden Persatuan Pediatrik Malaysia; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan, Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan puan-puan dan tuan-tuan sekalian di Majlis Perasmian Simposium Kebangsaan Perkhidmatan Neonatal di Malaysia pada petang ini.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan 'Selamat Datang' kepada pembentang kertas-kertas kerja dari negara-negara ASEAN dan Australia dan semoga pegawai-pegawai perubatan dan jururawat-jururawat tempatan yang menghadiri Simposium ini dapat menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang neonatal selepas Simposium ini. Saya yakin dengan adanya penukaran pengalaman dan pengetahuan di antara pakar-pakar kita dan dari luar negeri, kita akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan neonatalnegara.

3. Simposium perkhidmatan neonatal ini adalah tepat pada masanya kerana perkhidmatan neonatal masakini kurang mendapat keutamaan di negara-negara membangun. Ini mungkin berlaku kerana kepentingan perkhidmatan neonatal masih belum disedari sepenuhnya oleh masyarakat dan tidak dapat perhatian umum. Tambahan, data-data yang diperolehi dari banyak negara-negara membangun tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya berlaku. Ini adalah kerana banyak kematian bayi dalam perut dan kematian bayi dalam minggu dan bulan pertama selepas kelahiran serta sebab-sebab kematian tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Apa yang diperolehi dalam laporan-laporan rasmi dari negara-negara membangun menunjukkan bahawa kadar kematian dan penyakit neonatal adalah rendah, dan dengan ini, kurang mendapat keutamaan dan perhatian yang sewajarnya. Kebanyakan negara-negara membangun masih dalam peringkat lebih mengutamakan strategi menurunkan kematian ibu bersalin melalui jagaan kesihatan ibu mengandung dan selepas melahirkan anak. Ini adalah wajar kerana kadar kematian ibu di negara-negara tersebut adalah tinggi dan kematian seorang ibu itu selalunya memberi kesan yang mendalam kepada keluarga dan anak-anak yang ditinggalkan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Di Malaysia, kita boleh merasa bangga kerana kadar kematian ibu bersalin telahpun turun dengan memuaskan kecuali di beberapa daerah tertentu. Dengan ini, Kerajaan dapat memberi penekanan kepada usaha-usaha menurunkan kadar kematian bayi neonatal. Data-data mengenai penyakit dan kematian neonatal yang diperolehi lebih terjamin. Sistem pengumpulan data lebih tersusun dan masyarakat sendiri mengetahui dan sedar betapa pentingnya maklumat yang diberi dalam perancangan program-program kesihatan kerana akan memberi manfaat kepada semua.

5. Data yang telah dikumpulkan di negara kita menunjukkan bahawa kesihatan bayi semasa dan selepas dilahirkan adalah lebih terjamin jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain; tetapi ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara yang telah membangun.

Kadar kematian bayi di Semenanjung Malaysia pada tahun 1985 iaitu 17 bagi 1,000 kelahiran hidup adalah lebih baik dari Indonesia (79) ataupun Filipina (48) tetapi masih tinggi jika dibandingkan dengan Jepun (6) ataupun Amerika Syarikat (11).

6. Kadar kematian lahir di Semenanjung Malaysia (11.0 bagi 1,000 kelahiran) adalah lebih tinggi dari England dan Wales (7) ataupun Jepun. Begitu juga kadar kematian perinatal (19.3 dalam 1,000 kelahiran) Semenanjung Malaysia adalah lebih tinggi daripada Sweden (11) ataupun Jepun (9).

Kebanyakan negara-negara membangun tidak mengeluarkan data berhubung dengan kadar kematian lahir ataupun kematian perinatal oleh kerana sistem pengumpulan data mereka tidak memuaskan. Data yang sedia ada mengenai kadar kematian neonatal menunjukkan Malaysia mempunyai kadar yang

kedua rendah di kalangan negara-negara Asean selain dari Singapura.

7. Kadar-kadar kematian sahaja tidaklah boleh memberi pandangan yang seluas-luasnya kepada keadaan kesihatan masyarakat. Penyakit-penyakit yang menyebabkan kematian dan yang menjadi punca kekurangan kesihatan di kalangan bayi juga perlu diketahui dengan lebih mendalam lagi. Dengan cara ini sahajalah, kita dapat merancang program-program yang sesuai untuk mengatasinya. Masalah berkaitan dengan kesihatan bayi semasa dan selepas dilahirkan sedang pesat diselidik oleh pekerja-pekerja kesihatan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

8. Saya difahamkan bahawa Simposium ini akan membincangkan data-data yang telah dikumpulkan khas untuk Simposium ini dengan harapan peserta-peserta dan pakar-pakar yang hadir dapat sama-sama memikirkan cara-cara yang lebih sesuai untuk menghadapi masalah-masalah yang dihadapi. Ini adalah cara yang sangat membina dan saya berharap Simposium ini akan menghasilkan cadangan yang praktikal supaya dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan.

9. Dalam tahun 1986 sebanyak 497,000 bayi telah dilahirkan di seluruh Malaysia. Walaupun semakin banyak daripada mereka dilahirkan di hospital Kerajaan dan klinik swasta; klinik swasta; ada ramai lagi bayi yang dilahirkan di rumah. Pada tahun 1986, 38% bayi dilahirkan di rumah dan 62% dilahirkan di hospital Kerajaan dan klinik swasta. Walau bagaimanapun, masih terdapat 7.6% bayi dilahirkan oleh bidan tradisional.

10. Saya ingin menasihati ibu-ibu yang melahirkan bayi di rumah supaya memberi perhatian yang berat ke atas kesihatan bayi yang baru lahir. Sekiranya bayi menghadapi apa-apa masalah kesihatan selepas dilahirkan, bayi perlu dirujuk kepada hospital atau pusat kesihatan kerana ianya mempunyai doktor-doktor dan jururawat terlatih yang lebih berkemampuan untuk merawat bayi. Ibu-ibu perlu mengetahui bahawa bayi mudah menghadapi masalah kesihatan ataupun dijangkiti penyakit. Di antara masalah-masalah utama yang dihadapi ialah bayi yang dilahirkan tidak cukup bulan, kurang berat lahir, jangkitan, masalah saluran pernafasan, jaundis dan hipothermia. Sebarang masalah seperti kurang suhu badan ataupun hipothermia akan mengurangkan daya ketahanan bayi untuk menghadapi pelbagai penyakit. Keadaan saluran pernafasan juga penting dari segi menjamin kesihatan bayi. Kanak-kanak yang dilahirkan kurang bulan selalu menghadapi masalah pernafasan yang berlarutan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

11. Kita bernasib baik bahawa Kerajaan Malaysia semenjak awal-awal lagi pada Rancangan Malaysia Pertama dan selanjutnya telah memberi keutamaan kepada Rancangan Kesihatan Luar Bandar. Dengan sistem ini penduduk luar bandar dapat menikmati jagaan kesihatan asas secara lengkap dan komprehensif. Di antara perkhidmatan yang disediakan ialah perkhidmatan bagi jagaan ibu dan anak termasuk jagaan neonatal.

12. Perkhidmatan neonatal disediakan melalui kesemua infrastruktur kesihatan di bandar dan luar bandar dan meliputi hospital, poliklinik, pusat-pusat kesihatan, klinik kesihatan ibu dan anak, klinik bidan dan klinik desa dan hospital dan klinik swasta. Perkhidmatan neonatal bermula dengan jagaan ibu mengandung, kemudahan bersalin di hospital dan di rumah, jagaan ibu dan anak dirumah semasa posnatal, rawatan bayi di hospital dan seterusnya.

13. Beberapa usaha telahpun dilaksanakan untuk menurunkan kadar kemataian neonatal di negara ini. Di antara strategi-strategi ialah jagaan khas ibu dan bayi yang mempunyai risiko tinggi dengan objektif utama menurunkan kadar kematian bayi perinatal dan neonatal, pengesanan bayi dengan kekurangan enzim G6PD untuk mengurangkan "kernikterus" dan kematian bayi, dan pemberian imunisasi tetanus kepada ibu mengandung untuk mengurangkan kematian neonatal tetanus.

14. Satu lagi langkah yang baru dilancarkan ialah imunisasi Rubella kepada murid wanita sekolah menengah dan wanita wanita dalam golongan umur reproduktif.

Langkah ini lama kelamaan akan mengurangkan kematian bayi dalam perut dan kematian bayi neonatal yang disebabkan oleh Rubella di samping mencegah bayi daripada Sindrom Kongenital Rubella. Saya juga diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan sedang merancang program imunisasi Hepatitis B bagi bayi yang baru lahir. Langkah ini akan secara langsung memperbaiki taraf kesihatan bayi neonatal dengan mengelakkan bayi daripada menjadi karier penyakit ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

15. Sungguhpun Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk masyarakat umum, akan tetapi perkhidmatan ini masih kurang digunakan sepenuhnya khususnya hospital daerah.

Ada juga terdapat kes ibu-ibu, di mana bayi dalam kandungan mereka menghadapi asfiksia, dipindahkan daripada hospital-hospital daerah ke hospital-hospital besar untuk dilahirkan. Perjalanan itu selalunya mengambil masa yang begitu lama dan boleh menyebabkan bayi dalam kandungan dilahirkan mati ataupun dalam keadaan kesesakan nafas dan berkesudahan dengan kerosakan otak. Ada juga bayi yang mengidap penyakit kuning dipindahkan ke hospital besar untuk penukaran darah, sesuatu prosedur yang boleh dilakukan di hospital daerah itu sendiri. Oleh sebab kepentingan masa dalam kecemasan, saya menyeru kepada pegawai-pegawai perubatan supaya memberi jagaan dan rawatan yang sewajarnya kepada ibu dan bayi di peringkat ini.

16. Oleh kerana bilangan bayi yang dirujuk dan diberi rawatan di hospital-hospital besar sangat ramai, maka mutu perkhidmatan mungkin terjejas. Dengan itu, adalah sangat penting untuk puan-puan dan tuan-tuan meneliti fungsi dan keperluan asas yang perlu untuk bayi-bayi dan mencari jalan yang lebih sesuai bagi meninggikan lagi tahap perkhidmatan neonatal yang disediakan di negara kita.

17. Saya percaya objektif Simposium untuk meninggikan lagi pengetahuan peserta-peserta dalam bidang neonatologi dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan neonatal di negara ini akan tercapai dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

18. Akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana mengelolakan Simposium ini dan berdoa semoga Simposium ini akan membawa kepada perbincangan dan usul yang berfaedah untuk menjaga kesihatan neonatal dengan lebih berkesan lagi.

19. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Simposium Kebangsaan Perkhidmatan Neonatal 1988 dengan rasminya.